



DR. NORAZWA BINTI AHMAD ZOLKIFLI @ UDA

UCAPAN KETUA JABATAN PERDAGANGAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Ilahi kerana rahmat dan limpah kurniaNya, saya berpeluang untuk menulis sepatah dua kata di laman sesawang Politeknik Sultan Idris Shah.

Terlebih dahulu, saya melahirkan rasa kesyukuran kerana menjadi sebahagian daripada ahli keluarga Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Idris Shah. Saya amat bersyukur kerana jabatan mempunyai staf yang sentiasa bekerjasama serta menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Kesungguhan ini dapat dilihat apabila Jabatan Perdagangan berjaya melahirkan graduan serba boleh dalam bidang Kesetiausahaan mahupun Perbankan dan Kewangan Islam serta pencapaian dalam kebolehpasaran yang memberangsangkan. Malah, yang lebih membanggakan apabila graduan yang dilahirkan dari Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Idris Shah mampu menempatkan diri di industri sejurus menamatkan pengajian kelak.

Selain itu, kesungguhan yang ditunjukkan oleh para pelajar dalam menonjolkan potensi diri amat menggalakkan dan memberangsangkan. Penglibatan dalam pelbagai pertandingan inovasi, pembentangan, kemahiran, debat, sukan, seni mempertahankan diri, pengacaraan, dan pelbagai lagi menunjukkan didikan yang diterap dan peluang yang ditawarkan di jabatan melalui dua (2) program utama ini membantu meningkatkan potensi diri para pelajar.

Dalam pencapaian akademik menunjukkan para pelajar Jabatan Perdagangan mampu bersaing dengan jabatan lain di mana beberapa kali diberikan Anugerah Pengarah bagi Majlis Konvokesyen, malahan turut diiktiraf di peringkat lebih tinggi apabila berjaya menempatkan nama dalam Malaysia Book Of Records menerusi pencapaian kemahiran Trengkas terpentas. Tidak dilupakan, para pelajar jabatan amat digalakkan untuk bergiat aktif dalam ko-kurikulum menerusi penglibatan sukan, pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta keusahawanan. Segala pencapaian dan penglibatan ini menunjukkan bahawa Jabatan Perdagangan sentiasa memberi sokongan dan peluang kepada para pelajar untuk meningkatkan diri dalam pelbagai bidang.

Tidak dilupakan, Jabatan Perdagangan turut memiliki para pensyarah yang berkebolehan dan berdaya saing. Dalam menjadi contoh kepada para pelajar, para pensyarah turut melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan inovasi, memberi ceramah di pelbagai institusi, memiliki pengiktirafan professional dari badan badan diiktiraf, serta aktif dalam bidang keusahawanan. Antara pencapaian yang membanggakan

adalah diiktiraf sebagai Best Trainer Award oleh AKPK Collaborators Award 2017, The Malaysia Book of Records bagi The Fastest Trengkas Transcription by a Group, menggondol pingat Emas bagi Invention, Innovation, & Design Exposition (IIDEX 2017) UiTM Shah Alam, Anugerah Juri, Sijil Emas, menjadi sukarelawan antarabangsa dan pelbagai lagi pencapaian yang menunjukkan dalam memastikan para pensyarah dapat menjadi contoh terbaik buat para pelajar di samping kesibukan dalam hal hal pendidikan.

Akhir kata, semoga di tahun yang mendatang ini menyaksikan lebih banyak kejayaan yang bakal diukir oleh para pelajar Jabatan Perdagangan, dan tidak dilupakan oleh barisan para pensyarah yang banyak membimbing dan membantu para pelajar selama ini

Sekian, Salam Maju Jaya untuk semua.

DR. NORAZWA BINTI AHMAD ZOLKIFLI @ UDA

Ketua Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Idris Shah